

KEW.PA-27**KENYATAAN JUALAN LELONGAN ASET ALIH KERAJAAN**

Dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya akan mengadakan jualan lelong aset seperti berikut:-

Tarikh : **7 Febuari 2018 (Rabu)**
Masa : **10.00 pagi**
Tempat : **Lot G23, Aras Bawah, Kompleks Melaka Mall,
Jalan Tun Abdul Razak-Lebuh Ayer Keroh,
Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka**

2. Senarai aset yang akan dilelong adalah seperti di KEW.PA-27(A). Semua aset akan dipamerkan pada tarikh **5 Febuari 2018 (Isnin)** dan **6 Febuari 2018 (Selasa)** di alamat **Lot G23, Aras Bawah, Kompleks Melaka Mall, Jalan Tun Abdul Razak-Lebuh Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka** di antara masa:

Sesi pertama : **9.30 pagi hingga 12.30 tengahari.**
Sesi kedua : **2.30 petang hingga 4.30 petang.**

3. Syarat dan peraturan lelong adalah seperti berikut:-

- (i) Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan dan harga termasuk GST (6%).
- (ii) Pembida yang berminat untuk menyertai lelongan, perlu mendaftar dengan Pegawai Pelelong dengan memberikan nama penuh, nombor Kad Pengenalan dan alamat kepada Pegawai Pelelong semasa lelongan dilakukan serta membayar deposit sebanyak 5% daripada harga simpanan atau maksimum RM1,000.
- (iii) Penawar harga tertinggi adalah pembida yang berjaya dan jika ada apa-apa perselisihan yang berbangkit mengenai penawar yang tertinggi, aset berkenaan akan dilelong semula.

- (iv) Jabatan berhak mengubah susunan jualan tersebut di senarai KEW.PA-27(A) dan menarik balik mana-mana aset daripada senarai tersebut.
- (v) Semua aset adalah dilelong sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is-basis*).
- (vi) Jabatan ini tidak akan bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
- (vii) Semua perbelanjaan bagi mengangkut aset hendaklah ditanggung oleh pembida sendiri.
- (viii) Pembida yang berjaya hendaklah memberitahu nama penuh, nombor Kad Pengenalan dan alamat kepada Pegawai Pelelong semasa jualan dilakukan.
- (ix) Pembayaran penuh hendaklah dibuat dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh lelongan.
- (x) Pembida yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh lelong. Jika tidak, Jabatan berhak untuk melupuskannya.
- (xi) Segala bayaran hendaklah dijelaskan sepenuhnya sebelum aset boleh dikeluarkan dari premis Jabatan.

